

Warta **102** Konvo

Edisi 6 September 2025

**PENGIKTIRAFAN BERTERUSAN
BUKTI KECEMERLANGAN UiTM**

**PENINGKATAN KUALITI TUMPUAN
UiTM PAHANG**

**"SKROL INI TANDA KENANGAN
KAMI SEKELUARGA"**





Mohd Radzi Ridzuan

SUMBANGAN KECIL GRADUAN UiTM TETAPI BESAR MAKNANYA UNTUK KELESTARIAN ALAM SEKITAR



oleh : Aidil Adha Abdullah

Mungkin tidak ramai yang mengenali dengan nama Mohd Radzi Ridzuan tetapi nama ini mempunyai peranan tersendiri terhadap alam sekitar dan pastinya salah seorang graduan ijazah sarjana yang membanggakan UiTM.

Buat masa ini, Mohd Radzi sedang menjawat jawatan sebagai Ketua Cawangan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di Cameron Highlands dan memiliki lebih 12 tahun pengalaman profesional dalam bidang ini.

Atas pengalaman yang dimiliki di samping niat murni dalam memastikan alam sekitar di negara ini terus terpelihara, Mohd Radzi terpenggil untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Sains Kejuruteraan Alam Sekitar UiTM.

Ternyata niat murni tersebut terbalas selepas cemerlang menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan dan ia akan digunakan sebaik mungkin buat beliau untuk menabur bakti khususnya di Cameron Highlands.

“Minat saya semakin berkembang sepanjang pengajian selepas saya menjalankan kajian berkaitan pemantauan kualiti air di sekitar sungai di Selangor melalui Stesen Pemantauan Kualiti Air Automatik Sungai Selangor.

Kajian tersebut menggunakan data daripada stesen kualiti air Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi mengenal

pasti punca pencemaran, sekali gus menjadikannya sangat relevan dengan tugas hakiki saya,” ujar beliau.

Sebelum ini Mohd Radzi telahpun memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dari Universiti Malaya (UM) dan pemilihan UiTM sebagai institusi pengajian beliau di peringkat sarjana adalah berasaskan keyakinan terhadap reputasi serta kualiti akademik yang setanding dengan universiti terkemuka lain di Malaysia.

Tambahan pula, apabila ditanya berkenaan komitmen Malaysia untuk mengurangkan pelepasan karbon yang disiarkan di media sebelum ini, Mohd Radzi yang berpengalaman selama lebih 12 tahun berpendapat inisiatif ini sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) global.

Menurutnya, langkah ini bukan sahaja memberi manfaat kepada alam sekitar, malah dapat meningkatkan daya saing ekonomi dan membuka peluang perdagangan antarabangsa bagi Malaysia.

Akhir sekali, beliau turut menyuarakan kebimbangan terhadap kekurangan tenaga pakar dalam bidang kejuruteraan alam sekitar di negara ini.

Justeru, beliau berharap lebih ramai graduan yang mempunyai pengetahuan teknikal dapat dilahirkan. Golongan ini penting untuk mencipta sistem dan teknologi yang diperlukan bagi menangani isu pencemaran pada masa hadapan.



SIDANG REDAKSI JAWATANKUASA WARTA KONVO 102

*Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh
Pejabat Komunikasi Strategik UiTM
Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian
Media UiTM*

Penasihat
Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais,
Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

Penasihat Editorial
En Abuzar Abdul Halim,
Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

Ketua Editor
En Ahmad Faisal Mohamed Fiah,
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media

Ketua Wartawan
Zaidatul Insyirah binti Suhaini

Wartawan
Aidil Adha bin Abdullah
Amni Harith bin Badrul Hisyam

Pereka Grafik
Muhammad Sahil bin Sulaiman
Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

Fotografi
Pejabat Komunikasi Strategik

Unit Perhubungan Awam dan Media
Pejabat Komunikasi Strategik